

SH 29/3/09 PS-T15

40 penuntut Persada UMT dekati peneroka



● Penduduk dan penuntut Persada UMT bergambar sempena majlis sambutan Maulidur Rasul di Felda Bukit Bading.

FELDA BUKIT BADING - Pembabitan seramai 40 penuntut daripada Sekretariat Permuafakatan Siswa/Siswi Felda, Universiti Malaysia Terengganu (Persada UMT) pada program sambutan Maulidur Rasul di sini, memberi peluang kepada mereka bermesra dengan masyarakat, selain mengubati kerinduan pada kampung halaman.

Lebih menarik, program anjuran Jawatankuasa Masjid Felda Bukit Bading dan Majlis Belia Felda Bukit Bading dengan kerjasama Persada serta Unit Seranta Jabatan Perdana Menteri itu turut menumbangkan sekor lembu untuk jamuan rakyat bagi mengeratkan lagi hubungan dengan

semua pihak terbabit.

Presiden Persada UMT, Mohd Radzi Mansor berkata, program itu julung kali diadakan dan ia ternyata mencipta sejarah tersendiri kerana secara tidak langsung berjaya mengeratkan hubungan anak peneroka dengan masyarakat di sini.

"Persada UMT disertai anak peneroka dari seluruh negara dan melalui program seumpama ini, kami bukan sekadar dapat mengubati kerinduan pada kampung halaman tetapi juga berjaya membina silaturahim dengan peneroka di sini.

"Paling penting, pengisian yang dijalankan sepanjang program seperti solat berjemaah dan bacaan Yasin, se-

lain kami turut berpeluang mendekati golongan berusia khususnya warga emas.

"Selain itu, kami juga mengikuti ceramah bertajuk 'Pembangunan Modal Insan melalui Keperibadian Rasulullah SAW' disampaikan Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT, Riswadi Azmi," katanya kepada **Sinar Harian**.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Felda Bukit Bading, Mohd Tarmize Abdullah berkata, program seumpama itu secara tidak langsung mampu menjadi pemangkin kepada belia Felda untuk lebih memandang ke depan dan proaktif dalam setiap program membabitkan penuntut.